



SURUT...Mansor (kiri) membersihkan rumah selepas banjir surut sambil diperhatikan Ng.

Tengkujuh bertandang

Balik haji rumah bah

>>Oleh Nor Shafinaz Sari

am@hmetro.com.my

ALOR GAJAH: Belum sempat melepaskan lelah selepas pulang dari Tanah Suci, sepasang warga emas terpaksa mengarah kudrat membersihkan rumah mereka di Kampung Ayer Molek, Kuala Sungai Baru, yang dilanda banjir kilat, semalam.

Mansor Lasim, 63, dan isterinya, Saoma Tambi, 64, yang baru pulang dari Makkah, malam kelmarin, terkejut apabila menyedari kediaman mereka dinaiki air, kira-kira jam 6 pagi.

Menurutnya, keadaan itu memaksa dia mengalihkan barang dalam rumah ke tempat lebih tinggi dan membersihkan rumah yang kotor.

"Saya tidak sangka kepulangan kami disambut dengan banjir. Belum sempat melepaskan lelah selepas beberapa jam berada dalam kapal terbang, kami terpaksa pula mengerah tenaga tua ini untuk mengemas rumah yang dinaiki air.

"Nasib baik anak-anak turut pulang ke kampung untuk menyambut kami yang baru pulang menunaikan haji. Jika tidak, saya tidak tahu mahu melakukan apa dengan kesihatan kami berdua yang tidak begitu baik," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Katanya, banjir beransur surut kira-kira jam 10 pagi, tetapi ia turut merosakkan banyak harta benda termasuk perabot dan barangan lain.

"Banjir dipercayai berpunca

dari longkang berhampiran rumah bersema dan sistem perparitan tidak sistematik. Lebih memburukkan keadaan, semua air kumbahan dari taman berdekatan turut mengalir ke longkang itu.

"Apabila banjir, sampah-sarap dan air kumbahan masuk hingga menyebabkan keadaan rumah berlumpur serta berbau busuk," katanya.

Penduduk lain, Ng Tian Yu, 42, pula berkata, dalam tempoh hampir dua bulan, kampung itu sudah 11 kali dinaiki air setiap kali hujan lebat.

"Akhbar ini (Harian Metro) pernah menyiarkan masalah dihadapi sebulan lalu berkaitan sistem perparitan tidak sistematik. Namun, sehingga kini tiada tindakan diambil," katanya.